

**UCAPAN ALUAN**  
**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**PADA**  
**MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL KONVOKESYEN KE 9 UniMAP**  
**23 SEPTEMBER 2014, KAMPUS TETAP PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

**Salam Sejahtera,**

**Salam Perlis, 'Raja Berdaulat, Rakyat Ilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju'**

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI DI RAJA**

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, yang juga Pro Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi pihak seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir menjayakan Majlis Perasmian Festival Konvokesyen ke 9 (FESTKON) Universiti Malaysia Perlis.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua ke majlis hari ini amat bermakna buat sekalian warga Universiti Malaysia Perlis. Patik juga menyanjung tinggi di atas sokongan yang tidak terhingga diberikan duli Tuanku berdua untuk setiap program yang dianjurkan universiti.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun, Patik mohon untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalian.

Ampun Tuanku,

## **SALUTASI**

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Azlan bin Man, Menteri Besar Perlis dan  
Yang Amat Berbahagia Datin Seri  
Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
Pegawai- pegawai Utama UniMAP  
Penolong-Penolong Naib Canselor  
Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan  
Dekan – Dekan dan Ketua Jabatan UniMAP  
Wakil-wakil dari Karangkraf  
Para Penaja, wakil-wakil media,  
Para pelajar seterusnya  
Hadirin dan hadirat yang saya raikan sekalian.

## **KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah izinkan saya memanjat kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah keizinanNYA dapat kita bersama-sama pada malam ini di Majlis Perasmian Festival Konvokesyen ke-9 yang juga merupakan acara terbesar di universiti.
2. Terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak penaja yang sudi menaja FESTKON ke - 9 UniMAP ini. Terima kasih atas sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada pihak penaja. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah yang tidak terhingga kepada Jawatankuasa Penganjur Festival Konvokesyen Ke-9 UniMAP yang telah bekerja keras bagi memastikan kelancaran program ini, segala usaha gigih anda amat saya hargai. Saya berdoa semoga festival ini akan berlangsung dengan jayanya. InsyaAllah.
3. Saya tahu, untuk menggerakkan sebuah program yang besar ia bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan pengorbanan masa dan

keringat bagi memastikan program yang dirancang berjalan dengan lancar.

4. Saya, secara peribadi berasa amat berbangga dengan semua jawatankuasa pelaksana yang merupakan pelajar-pelajar UniMAP kerana telah bertungkus lumus sejak awal Februari lalu.

### **FESTKON 9**

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Seperti yang kita sedia maklum, Festival Konvokesyen ini diadakan bertujuan untuk meraikan para graduan yang berjaya menamatkan pembelajaran di UniMAP. Tahun ini, kita melakukan sedikit perubahan dengan mengadakannya di Kampus UniMAP Pauh Putra.
6. Tujuan kita mengadakanya di sini pada tahun ini adalah kerana ingin memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk merasai suasana di Kampus Pauh Putra ini.
7. Saya mendapat makluman yang sangat positif mengenai penganjuran FESTKON kali ini dengan jumlah penyertaan gerai atau booth sebanyak 40 booth pameran dan 70 gerai gerai jualan telahpun tersedia utk menemui para pengunjung FESTKON 9 mulai 23 hingga 28hb september 2014 ini.
8. Sasaran bagi pengunjung juga telah berubah di mana pada kali ini kita mensasarkan seramai 20,000 pengunjung akan membanjiri Dataran Boulevard, Kampus Pauh Putra sepanjang lima hari festival konvokesyen ini berlangsung berbanding tahun lepas iaitu 6000 pengunjung di Dataran Dato' Sheikh Ahmad. Hal ini kerana, kedudukan kita yang bersempadan dengan negeri Kedah serta pelbagai aktiviti menarik akan disajikan kepada para pengunjung. Saya percaya ini akan menarik penyertaan lebih ramai rakyat negeri Perlis.

## **“BERMINDA ILMUAN BERJIWA USAHAWAN”**

9. Bertemakan “Berminda Ilmuhan, Berjiwa Usahawan”, saya difahamkan pihak pengajur telah menyediakan **51 program** pada FESTKON kali ini yang lebih menumpukan konsep keilmuan, pendidikan, keusahawanan, keagamaan dan kerohanian.
10. Saya percaya dengan hanya 15 peratus sahaja hiburan, FESTKON 9 ini dapat amat sesuai untuk semua golongan, bukan sahaja kepada para pelajar UniMAP malahan masyarakat setempat.
11. Untuk makluman semua, pada Ahad lalu, kita telah mengadakan dua program Pra-FESTKON iaitu **Program Larian Utara** dan **Autism’s Charity Walk**. di Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra. Tuanku Canselor UniMAP, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Tuanku Pro Canselor UniMAP, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut mencemar duli berangkat hadir pada program tersebut.
12. Autism’s Charity Walk diadakan bertujuan untuk meraikan kanak-kanak yang menghidap Autism sekaligus memupuk kesedaran kepada masyarakat bahawa golongan seperti mereka dan OKU yang lain tidak wajar dipinggirkan.
13. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada pihak Karangkraf, kerana telah bersetuju untuk turut bekerjsama dengan UniMAP dalam Festival Konvokesyen ke-9 kali ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

## **PENUTUP**

14. Rasanya cukuplah setakat ini saja ucapan saya pada malam ini, di kesempatan ini, sekali lagi dengan tulus ikhlas, saya ingin mengucapkan

jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dan sekalung tahniah sekali lagi buat seluruh jawatankuasa FESTKON 9 atas usaha bagi memastikan kejayaan menganjurkan program ini.

Ampun Tuanku,

15. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli tuanku berdua kerana sudi mencemar duli berangkat hadir ke **Majlis Perasmian Festival Konvokesyen ke 9 UniMAP** ini.

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.